



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

RAMADAN BULAN KEAMPUNAN

Tarikh Dibaca:

**2 RAMADAN 1444H/
24 MAC 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جايان كمالوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

RAMADAN BULAN KEAMPUNAN

24 MAC 2023 / 2 RAMADAN 1444H

أحمد لله القائل:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Ramadan Bulan Keampunan**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu terutamanya pada bulan yang penuh keberkatan dan keampunan ini, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran. Perbaikilah hubungan sesama kita dan jauhilah prasangka buruk antara satu sama lain kerana ia tidak mendatangkan keuntungan sedikit pun melainkan kebinasaan yang berpanjangan. Semoga keamanan di negara kita terus subur dan berkekalan sampai bila-bila. *Insyaa-Allah*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Alhamdulillah, hari ini hari kedua kita menunaikan ibadah puasa. Kita dapat melihat, seluruh umat Islam bersemangat berpuasa, bertadarus al-Quran, menunaikan solat berjemaah di masjid, bersedekah dan melakukan amal soleh lainnya. Semoga semangat ini dapat dikekalkan sampai bila-bila.

Kita berpuasa bukan kerana mengikut kebanyakan orang lain. Kita berpuasa bukan kerana budaya tahunan yang sekadar menahan lapar dan dahaga. Tetapi kita berpuasa kerana menurut perintah Allah SWT dan mengharapkan keampunan dan keredhaan-Nya. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu”*. **(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)**

Ibadah puasa yang diwajibkan ke atas kita pada ketika ini merupakan salah satu dari kesempurnaan rukun yang membina Islam itu sendiri. Tanpanya, tidak sempurna kelslaman seseorang sebagaimana rumah yang tidak sempurna tiang asasnya, maka runtuhlah ia dengan mudah.

Sabda Rasulullah SAW:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ
وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Islam dibina di atas lima tiang: Syahadah (Laa ilaaha illa Allah dan Muhammad Rasulullah; mendirikan solat; memberikan zakat; haji; dan puasa Ramadan”.
(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Oleh kerana ibadah puasa merupakan salah satu dari Rukun Islam yang terpenting, maka setiap Muslim yang *mukallaf* wajib melaksanakannya berdasarkan perintah Allah SWT dari Surah al-Baqarah ayat 183. Selain itu juga, terdapat sebuah hadis Rasulullah SAW yang menceritakan tentang seksaan yang pedih bagi sesiapa yang meninggalkannya.

Diriwayatkan dari Abu Umamah al-Bahili, beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Ketika aku sedang tidur, tiba-tiba ada dua lelaki yang datang kepadaku, keduanya memegang kedua lenganku, kemudian membawaku ke sebuah gunung yang curam. Keduanya berkata kepadaku, “Naiklah!” Aku menjawab, “Aku tidak mampu”. Keduanya berkata, “Kami akan memudahkannya untukmu”. Maka aku naik. Ketika aku berada di tengah gunung itu, tiba-tiba aku mendengar suara-suara jeritan yang sangat kuat, maka aku bertanya, “Suara apa itu?” Mereka menjawab, “Itu jeritan penduduk neraka”. Kemudian aku dibawa, tiba-tiba aku melihat sekelompok orang digantung (secara terbalik) dengan urat-urat kaki mereka (di sebelah atas), hujung-hujung mulut mereka koyak dan mengalirkan darah. Aku bertanya, “Mereka itu siapa?” Mereka menjawab, “Mereka ialah orang-orang yang berbuka puasa sebelum waktunya (orang yang tidak berpuasa)”. (Hadis riwayat al-Nasa’i, Ibnu Hibban, Ibnu Khuzaimah, al-Baihaqi, al-Hakim, al-Tabarani)

Peringatan yang disampaikan oleh Rasulullah SAW ini menunjukkan betapa besarnya kewajipan ibadah puasa yang tidak boleh ditinggalkan tanpa sebab yang dibenarkan syara’. Maka, oleh sebab itu kita tidak boleh meremehkan ibadah puasa yang sedang kita jalani ini. Berusahalah memelihara kesempurnaan ibadah puasa sebaiknya kerana

walaupun kita meninggalkannya selama sehari, nilainya tidak dapat diganti walaupun kita berpuasa selama setahun.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ramadan ini merupakan peluang terbaik untuk kita memperbaiki diri menjadi Muslim yang lebih bertakwa. Allah SWT memberikan tawaran yang sangat hebat dengan menawarkan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda dan dibukanya pintu rahmat dan pengampunan yang seluas-luasnya. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا جَاءَ رَمَضَانَ فَتُحْتَفَتُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَتُغْلَقُ أَبْوَابُ النَّارِ وَصُفِدَتِ الشَّيَاطِينُ

Maksudnya: “Tatkala datang bulan Ramadan, maka akan dibuka pintu-pintu syurga, akan ditutuplah pintu-pintu neraka dan syaitan-syaitan akan dibelenggu dengan rantai”. (Hadis riwayat Imam Muslim)

Dalam mensyarahkan hadis ini, Imam Badruddin al-Aini dalam kitabnya ‘Umdatul Qari Syarah Sahih al-Bukhari menyatakan: “bahawa yang dimaksudkan dengan terbukanya pintu syurga, kerana ketaatan yang banyak pada bulan Ramadan. Begitu juga Allah SWT membuka pintu ibadah, oleh kerana itulah jalan menuju ke syurga begitu mudah di Bulan Ramadan kerana amal perbuatan kita mudah diterima”.

Ramadan juga bulan untuk menguji keimanan kita dalam mengawal hawa nafsu makan dan minum. Kesempatan yang ada ini perlu kita manfaatkan sepenuhnya untuk berusaha melatih diri agar sentiasa berjimat-cermat, tidak membazir, serta memilih makanan yang halal dan baik. Keghairahan membeli dan menyediakan makanan yang banyak ketika berbuka perlu dikawal dengan sebaiknya supaya tidak berlaku pembaziran. Jelas sekali bahawa pembaziran merupakan suatu amalan yang sangat ditegah dalam Islam dan disebut sebagai saudara kepada syaitan. Firman Allah SWT:

وَلَا تُبَدِّرْ تَبْدِيرًا ﴿٣٦﴾ إِنَّ الْمُبَدِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٣٧﴾

Maksudnya: “dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya”.

Maka, marilah kita sentiasa menyemak dan menambah baik kualiti ibadah puasa yang kita laksanakan. Pastikan ibadah puasa yang kita laksanakan ini benar-benar menjadikan kita hamba-Nya yang bertakwa dan bukan sekadar ikutan. Jangan pula kita sekadar berlapar dan dahaga pada waktu siang tanpa mendapat keampunan dan tidak menjadikan kita hamba-Nya yang bertakwa.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebelum mengakhiri khutbah, khatib turut ingin menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Tabung Haji (TH) yang meneruskan bantuan kewangan haji secara bersasar kepada Jemaah haji Muassasah Malaysia, golongan B40 dan M40, walaupun kos ibadat itu naik kepada RM30,850, berbanding RM28,632 tahun lalu. Jumlah bantuan kewangan bagi B40 ialah sebanyak 64% daripada kos keseluruhan iaitu RM 19,870 termasuk RM 1000 bantuan daripada Kerajaan Malaysia, menjadikan jumlah yang hanya perlu dibayar ialah sebanyak RM 10,980. Manakala bagi kumpulan M40 pula, jumlah bantuan kewangan yang diterima ialah sebanyak 48% daripada jumlah kos keseluruhan iaitu RM 14,870, menjadikan jumlah yang hanya perlu dibayar ialah sebanyak RM 15,980. Semestinya bantuan ini sedikit sebanyak membantu golongan B40 khususnya untuk melaksanakan Rukun Islam yang kelima ini. Semoga Jemaah yang terpilih diberi kesihatan yang baik dan melakukan persediaan yang secukupnya untuk melaksanakan ibadah ini.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan khutbah kepada beberapa rumusan;

Pertama: Ibadah puasa yang diwajibkan ke atas kita pada ketika ini merupakan salah satu dari kesempurnaan rukun yang membina Islam. Tanpanya, tidak sempurna keIslaman seseorang sebagaimana rumah yang tidak sempurna tiang asasnya, maka runtuhlah ia dengan mudah.

Kedua: Peringatan Rasulullah SAW terhadap pedihnya seksaan terhadap orang yang meninggalkan ibadah puasa menunjukkan betapa besarnya kewajipan ibadah ini yang mesti ditunaikan oleh setiap mukallaf.

Ketiga: Ramadan ini merupakan detik terbaik untuk kita membimbing diri menjadi insan yang lebih baik supaya kita mendapat keredhaan dan keampunan dari Allah SWT serta dibebaskan dari neraka yang pedih.

Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “Dan Dia lah Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahatan-kejahatan (yang mereka lakukan); dan Allah mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan”. (Surah al-Syuura ayat 25)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَنْدَرِيْهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.